

01 NOV 1997

G15: DR MAHATHIR RASMI PAMERAN PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini merasmikan Pameran Perdagangan G15 di Pusat Pameran Mines di sini.

Pameran yang julung kali diadakan itu dianjurkan sempena sidang kemuncak Kumpulan 15 negara membangun (G15) yang bermula di sini Isnin ini. Sebanyak 114 syarikat dari 14 negara anggota G15 menyertai pameran lima hari itu.

Antara yang menyertainya ialah lapan syarikat Malaysia yang bergiat di negara-negara G15. Antara produk yang dipamerkan ialah barangan besi dan keluli, komponen automotif, peralatan industri, tekstil dan plastik.

Pada masa yang sama, 93 syarikat dan agensi Malaysia menyertai Pameran Barangan Malaysia yang menonjolkan produk buatan tempatan.

G15 dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. -- -- BERNAMA

RAZ MAI